

1Malaysia = 1Bahasa: Sebuah Mediator Pemersatu Kaum di Malaysia

Yohan Kurniawan dan Nur Azuki Yusuff
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan
yohan@umk.edu.my

Abstrak. Bahasa merupakan salah satu identiti sebuah bangsa, bahasa juga merupakan salah satu alat pemersatu kaum-kaum yang berbeza. Konsep 1 Malaysia merupakan salah satu konsep yang bercirikan persatuan dan perpaduan kaum di Malaysia, dan konsep 1 Bahasa iaitu Bahasa Melayu merupakan konsep yang baik bagi menyokong terwujudnya konsep 1 Malaysia. Permasalahan yang wujud di Malaysia semasa ini adalah masing-masing kaum menggunakan bahasa kaum (bahasa ibu) mereka berbanding Bahasa Melayu. Isu lain sehubungan dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pergaulan di Malaysia adalah isu hak asasi. Sehubungan dengan itu, masyarakat di Malaysia perlu memahami anjuran penggunaan Bahasa Melayu dalam pergaulan dengan kaum lain merupakan cara untuk merapatkan perpaduan kaum di Malaysia, dan bukan merupakan larangan menggunakan bahasa ibu mereka. Jadi isu hak asasi penggunaan bahasa ibu dalam kehidupan harian masyarakat di Malaysia sepatutnya tidak wujud, kerana kerajaan tidak pernah mengeluarkan larangan penggunaan bahasa ibu sebagai bahasa harian masyarakat Malaysia. Berkaitan dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghubung antara kaum di Malaysia, kerajaan perlu mengambil beberapa langkah penting dan berkesan untuk memperkasakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Kertas pembentangan ini bertujuan untuk membincangkan peranan, hambatan dan isu-isu semasa penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Katakunci. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pemersatu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

1. Pendahuluan

Abad ke-21 merupakan abad yang mencabar kesinambungan, kewujudan, dan kegemilangan sesebuah peradaban bangsa-bangsa di dunia. Asakan gelombang globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodenisme sering kali dikaitkan dengan kukuh atau lupsunya sesuatu bahasa, tradisi persuratan, dan budayanya. Dalam konteks bahasa dan persuratan melayu, pelbagai cabaran dijangka akan dijangka akan dihadapi dalam konteks nasional mahupun supranasional. Pada abad ini, dari dekat ke dekat, diramalkan 10 peratus bahasa akan mengalami kepupusannya. Dunia yang memiliki kira-kira 6000 bahasa sejak awalnya, kini tinggal 600 bahasa sahaja.

Sejajar dengan tumpuan kepada pembangunan bidang ekonomi, sains dan teknologi, perkara yang berlaku kini ialah wujudnya keserongan persepsi terhadap keperluan bangsa atau cara sesebuah memilih untuk berbahasa. Bahasa Inggeris dianggap sangat penting dan

pegangan ini akan memusnahkan kemajuan sesebuah bahasa kebangsaan dimana-mana Negara sekalipun. Kejayaan Dasar Bahasa Kebangsaan di Malaysia dalam dalam jentera kerajaan dan dasar pendidikan akan tergugat sekiranya tiada langkah yang diambil untuk menyelamatkannya.

Bahasa melayu kini tercabar dari sudut fungsi wahana penyampaian ilmu dan maklumat. Perkembangan segala macam ilmu dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang teknologi maklumat, memang menjadikan bahasa sebahagian dalam keperluan itu. Usaha penulisan dan penerbitan buku-buku ilmu, khususnya dalam bidang sains dan teknologi maklumat tidak bergerak sejajar dengan perkembangan ilmu dan pembangunan Negara.

Negara industri seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman dan beberapa buah negara lain telah membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap. Mereka mempertahankan kewibawaan bahasa mereka sendiri dan menjadikan bahasa mereka sebagai sains dan teknologi, bahasa kepustakaan ilmu serta pengetahuan.

Di Malaysia, bahasa Melayu sudah mencapai martabatnya sebagai bahasa negara akibat keperkasaannya semenjak zaman-berzaman, dari zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka hingga kemerdekaan Malaysia, tetapi adakan bahasa Melayu atau bahasa Malaysia itu terjamin kedudukannya untuk terus bersaing dalam era ledakan maklumat ini akan dilihat dari peruntukan perlumbagaan dan dasar pendidikan Negara.

Walaupun Bahasa Melayu telah memiliki kedudukan yang kukuh di Malaysia, akan tetapi semasa ini wujud keraguan terhadap keyakinan tentang keupayaan dan kemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Masa hadapan akan menjadi lebih parah apabila bahasa Melayu kehilangan fungsinya sebagai bahasa pembinaan tamadun bangsa.

Undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan dan perakuan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (Awang Sariyan, 2006):

- a) Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa :
“ Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu” dan hendaklah digunakan dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen : dengan syarat bahawa (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi) atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa asing; (b) tiada apa-apa ju dalam Fasal ini boleh menjelaskan hak kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajaran bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.”
- b) Perkara 152 (6) Perlembagaan Persekutuan pula memberikan takrif bahasa rasmi, seperti yang berikut:
“..... maksud rasmi ertiapa apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak awam.”
- c) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 memperuntukkan bahawa : “ kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dalam Malaysia , bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi” .

- d) Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] memperuntukkan bahawa:
Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.
- e) Jika bahasa pengantar utama di suatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.”

Kesemua petikan undang-undang di atas menegaskan bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu, bukan bahasa Malaysia. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ini perlu dibina dan dikembangkan menjadi bahasa moden, bahasa sains dan teknologi, bahasa pengucapan budaya tinggi, seperti yang termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jika diteliti kandungan perkara 152 (6), jelas maksud rasmi ialah apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam. Ini bermakna bahawa semua urusan rasmi kerajaan, sama ada bentuk lisan mahupun tulisan mestilah menggunakan bahasa kebangsaan. Yang berbentuk lisan melibatkan penggunaan bahasa dalam majlis dan urusan rasmi kerajaan, majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang dan majlis pelancaran sesuatu projek.

Antara aktiviti lain yang dituntut untuk kita mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik, betul, indah, dan sopan ialah Sidang Parlimen, mesyuarat antara jabatan, mesyuarat antara jabatan kerajaan dengan sektor swasta dan sebaliknya, ceramah, ucapan, syarahan, debat, kuliah, bacaan doa, dan juga pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah atau dalam sistem pendidikan.

Dalam konteks tulisan pula, semua bentuk dan jenis dokumen kerajaan mestilah dihasilkan dengan menggunakan bahasa kebangsaan. Antara contoh dokumen kerajaan ialah surat-menjurat antara agensi kerajaan dan sektor swasta dan sebaliknya mestilah mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan, sekiranya bahasa kebangsaan itu ingin diutamakan dan dibudayakan seperti yang dituntut oleh Akta Bahasa Kebangsaan 193/67. Kata pembudayaan terbit daripada kata budaya yang bermaksud tamadun atau peradaban. Makna kedua kata budaya dalam Kamus Dewan Bahasa kemajuan fikiran atau akal budi, iaitu cara seseorang berfikir dan berkelakuan. Pembudayaan pula brmaksud proses atau cara membudayakan atau melazimkan sesuatu, seperti ilmu dan pemikiran sebagai sebahagian daripada amalan hidup.

Jika bahasa Melayu telah terpilih sebagai bahasa kebangsaan, sama seperti lagu kebangsaan dan hari kebangsaan, seharusnya rasa hormat, bangga dan cinta yang kental terhadap bahasa kebangsaan sebagai lambang jati diri negara yang berdaulat dan sebagai wahana yang menyatupadukan rakyat yang pelbagai etnik. Dalam usaha kerajaan membentuk warganegara yang menjadi diri, memelihara adab dan kesopanan serta bertamadun tinggi, kesantunan bahasa atau santun berbahasa sepatutnya menjadi amalan seluruh rakyat Malaysia, daripada rakyat biasa sehingga kepada para pemimpin.

Anjakan atau kepupusan bahasa ialah suatu kesan negatif yang dikhuatiri terjadi kepada sesuatu yang pada mulanya bersifat dwibahasa, iaitu menguasai bahasa ibunda atau bahasa pertama dan bahasa yang dominan dalam masyarakat, secara ramai semakin tidak

menggunakan lagi bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka, sebaliknya bersifat ekabahasa dalam bahasa yang dari segi sosialnya lebih dominan.

Dengan adanya sikap positif terhadap sesuatu bahasa, maka akan adalah dorangan atau motivasi terhadap penggunaan sesuatu bahasa itu, dan keadaan ini merupakan faktor penting untuk menjamin kelestarian bahasa tersebut. Sebaliknya sikap negatif terhadap sesuatu bahasa secara perlahan-lahan boleh mengakibatkan anjakan bahasa atau kepupusan bahasa tersebut (Othman, R. 2011).


2. Bahasa Melayu

2.1 Asal Usul Bahasa Melayu

Asal usul perkataan Melayu masih belum dapat disahkan oleh sejarawan. Bagaimanapun terdapat beberapa bukti sejarah yang cuba mengaitkan asal-usul bahasa Melayu, seperti mana berikut (Othman, R. 2011):

1. Catatan orang China yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan *Mo-lo-yeu* mempersesembahkan hasil bumi kepada raja China sekitar 644-645 Masihi. Dikatakan orang *Mo-lo-yeu* mengirimkan Utusan ke negara China untuk mempersesembahkan hasil-hasil bumi kepada raja China.
2. Ada yang mempercayai kerajaan *Mo-lo-yeu* berpusat di daerah Jambi, Sumatera , daripada sebatang sungai yang deras alirannya, iitu Sungai Melayu.
3. Satu lagi catatan orang China ialah catatan rahib Buddha bernama I-Tsing yang menggunakan kata *ma-lo-yu* tentang dua buah kerajaan yang dilawatinya sekitar 675 Masihi.
4. Dalam bahasa Jawa Kuno, perkataan “*Mayu*” bermaksud berlari atau mengembara. Hal ini boleh dipadankan dengan orang Indo-Melayu (Austonesia) yang bergerak dari Yunan.

Pandangan lain mengatakan Bahasa Melayu dipercayai berasal daripada golongan Austronesia di Yunan. Kumpulan pertama dikenali sebagai *Melayu Proto*. Berpindah ke Asia Tenggara pada Zaman Batu Baru (2500 Sebelum Masihi). Keturunannya Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Dayak di Sarawak dan Batak di Sumatera. Kumpulan kedua dikenali sebagai *Melayu Deutro*. Berpindah ke Asia Tenggara pada Zaman Logam kira-kira 1500 Sebelum Massihi. Keturunannya orang Melayu di Malaysia. Dikatakan lebih bijak dan mahir daripada Melayu Proto. Bijak dalam bidang astronomi, pelayaran dan bercucuk tanam. Bilangan lebih banyak daripada Melayu Proto. Menduduki kawasan pantai dan lembah di Asia Tenggara. Orang ini, kumpulan pertama dan kedua, dikenali sebagai Austronesia. Bahasa-bahasa yang terdapat di Nusantara sekarang berpunca daripada bahasa Austronesia ini.



Rajah 1. Perkembangan Bahasa Melayu (Othman, R. 2011).

Nik Safiah Karim menerangkan bahawa bahasa Austronesia ialah satu rumpun bahasa dalam filum bahasa Austris bersama-sama dengan rumpun bahasa Austroasia dan Tibet-China (rujuk carta alir di atas). Bahasa Melayu termasuk dalam bahasa-bahasa Golongan Sumatera bersama-sama dengan bahasa-bahasa Acheh, Batak, Minangkabau, Nias, Lampung dan Orang Laut.

2.2 Perkembangan Bahasa Melayu

Ahli bahasa membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama iaitu:

A. Bahasa Melayu Kuno

Merupakan keluarga bahasa Nusantara. Kegemilangannya dari abad ke-7 hingga abad ke-13 pada zaman kerajaan Sriwijaya, sebagai *lingua franca* dan bahasa pentadbiran.

Penuturnya di Semenanjung, Kepulauan Riau dan Sumatera, ia menjadi *lingua franca* dan sebagai bahasa pentadbiran kerana:

- Bersifat sederhana dan mudah menerima pengaruh luar.

- Tidak terikat kepada perbezaan susun lapis masyarakat
- Mempunyai sistem yang lebih mudah berbanding dengan bahasa Jawa.

Banyak dipengaruhi oleh sistem bahasa Sanskrit. Bahasa Sanskrit kemudian dikenal pasti menyumbang kepada pengkayaan kosa kata dan ciri-ciri keilmuan (kesarjanaan) Bahasa Melayu.

Bahasa Melayu mudah dipengaruhi Sanskrit kerana:

- Pengaruh agama Hindu
- Bahasa Sanskrit terletak dalam kelas bangsawan, dan dikatakan mempunyai hierarki yang tinggi.
- Sifat bahasa Melayu yang mudah dilentur mengikut keadaan dan keperluan.

B. Peralihan Bahasa Melayu Kuno Ke Bahasa Melayu Klaik

Peralihan Bahasa Melayu Kuno ke Bahasa Melayu Klasik dikaitkan dengan pengaruh agama Islam yang semakin mantap di Asia Tenggara pada abad ke-13. Selepas itu, bahasa Melayu mengalami banyak perubahan dari segi kosa kata, struktur ayat dan tulisan.

C. Bahasa Melayu Klasik

Kegemilangannya boleh dibahagikan kepada tiga zaman penting:

- Zaman kerajaan Melaka
- Zaman kerajaan Aceh
- Zaman kerajaan Johor-Riau

Ciri-ciri bahasa klasik:

- Ayat: panjang berulang, berbelit-belit.
- Banyak ayat pasif
- Menggunakan bahasa istana
- Kosa kata klasik: ratna mutu manikam, edan kesmaran (mabuk asmara), sahaya, masyghul (bersedih)
- Banyak menggunakan perdu perkataan (kata pangkal ayat): sebermula, alkisah, hatta, adapun.
- Ayat songsang
- Banyak menggunakan partikel ''*pun*'' dan ''*lah*''

D. Bahasa Melayu Moden.

Bermula pada abad ke-19. Hasil karangan Munsyi Abdullah dianggap sebagai permulaan zaman bahasa Melayu moden. Selepas Perang Dunia Kedua, British merubah dasar menjadikan bahasa Inggeris sebagai pengantar dalam sistem pendidikan. Semasa Malaysia mencapai kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Laporan Razak 1956 mencadangkan bahasa Melayu sebagai pengantar dalam sistem pendidikan negara.

3. Peranan Bahasa Melayu (Othman, 2011)

- 1) Asas pembinaan negara dan kebudayaan masyarakat

- 2) Lambang jati diri
- 3) Bahasa perpaduan
- 4) Bahasa pengantar ilmu pengetahuan
- 5) Menjadi bahasa yang cemerlang dalam pembinaan negara bangsa Malaysia
- 6) Menampakkan penggunaannya dalam pelbagai perisian dan kesantunan
- 7) Wahana politik dalam menentukan kualiti penggunaan bahasa negara bangsanya
- 8) Menggambarkan bangsa yang berkuasa

Secara konseptual Bahasa Melayu Teras Perpaduan Bangsa Malaysia dapat didefinisikan sebagai bahasa utama yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa perantaraan berupaya menjadi tunjang atau nadi kepada penyatuan pelbagai kaum di negara ini.

4. Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan

Perlembagaan tidak menjelaskan maksud “bahasa kebangsaan”. Kamus Dewan mendefinisikan “bahasa kebangsaan” sebagai “bahasa yang diterima oleh ramai penduduk dalam sesebuah negara yang mempunyai beberapa bahasa atau loghat yang lain”. “Bahasa rasmi” pula ialah “bahasa pentadbiran kerajaan”. Mungkin lebih tepat jika dilihat dalam konteks kebangsaan yang diterangkan sebagai “yang berkaitan dengan negara secara keseluruhan” atau sesuatu yang “ dipilih untuk melambangkan keperibadian Negara” (Noresah Baharom, 2007).

4.1 Mengapakah Bahasa Melayu Dipilih Sebagai Bahasa Kebangsaan?

Sejarah membuktikan bahawa Bahasa Melayu telah diterima sebagai lingua franca atau bahasa komunikasi utama sejak zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 lagi. Bahasa ini digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik.

Dalam Kitab Sejarah Melayu menyebutkan bagaimana para pedagang bertungkus lumus mempelajari Bahasa Melayu dan menguasainya bagi memudahkan mereka berurusan dengan pemimpin dan masyarakat setempat yang telah lama menggunakan bahasa itu. Dalam konteks hubungan antarabangsa surat-surat rasmi dan dokumen perjanjian turut menggunakan Bahasa Melayu bertulis jawi. Ini membuktikan bahasa Melayu dapat difahami oleh pelbagai kaum termasuk pihak British. Begitu juga dokumen-dokumen lain seperti undang-undang tubuh negeri-negeri Melayu telah menggunakan Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi sebagai medium. Semua ini membuktikan kepada kita betapa Bahasa Melayu pernah mencapai tahap yang tertinggi dan diguna sehingga ke peringkat antarabangsa (Noresah Baharom, 2007).

Memandangkan Bahasa Melayu telah digunakan sekian lama sebagai bahasa rasmi dan basahan, sebagai bahasa komunikasi dan persuratan maka Bahasa Melayu telah dipersetujui dan disepakati bersama oleh pemimpin pelbagai kaum di negara ini agar menjadi bahasa kebangsaan bagi persekutuan Malaysia yang merdeka pada tahun 1957.

4.2 Bagaimanakah Bahasa Melayu Boleh Berfungsi Secara Berterusan sebagai Bahasa perpaduan?

Bahasa Melayu yang mampu menjadi teras perpaduan bangsa Malaysia ialah Bahasa Melayu yang digunakan secara bersama dan meluas. Bahasa melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa basahan, namun bahasa rasmi dan tidak rasmi. Bahasa ini

bukan sahaja dijadikan bahasa perantaraan di sekolah-sekolah dan universiti tetapi penggunaannya menjangkau ke peringkat antarabangsa. Selain itu, Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan utama mempunyai masa depan yang cerah kerana Bahasa Melayu bersikap terbuka kepada bahasa lain. Kita sedar sesuatu bahasa yang terlalu rigid, terpencil dan statik tidak akan mampu mengadaptasikan dirinya dengan perubahan semasa.

Sejak dahulu Bahasa Melayu dilihat mempunyai tahap keterbukaan dan toleransi yang begitu tinggi, kepada kemasukan isitilah-isitilah baru dan kata asing. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai teras perpaduan bangsa Malaysia diperkuuhkan apabila kehadirannya tidak pernah disangskian oleh kaum-kaum lain. Hal ini kerana Bahasa Melayu tidak dianggap sebagai ancaman kepada mana-mana pihak, dan kehadirannya tidak akan menyebabkan bahasa ibunda kaum masing-masing dilarang digunakan (Noresah Baharom, 2007).

5. Ancaman dan Cabaran Pembudayaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Persatuan

Abad ke-21 merupakan abad yang mencabar kesinambungan, kewujudan, dan kegemilangan sesebuah peradaban bangsa-bangsa di dunia. Asakan gelombang globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodenisme sering kali dikaitkan dengan kukuh atau lupsusnya sesuatu bahasa, tradisi persuratan, dan budayanya. Pada abad ini, diramalkan 10 peratus bahasa akan mengalami kepupusannya. Dunia memiliki kira-kira 6000 bahasa sejak awalnya, kini tinggal 600 bahasa sahaja.

Di Malaysia, bahasa Melayu sudah mencapai martabatnya sebagai bahasa negara akibat keperkasaannya semenjak dahulu lagi, dari zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka hingga zaman kemerdekaan Malaysia, tetapi adakan bahasa Melayu atau bahasa Malaysia itu terjamin kedudukannya untuk terus bersaing dalam era ledakan maklumat ini akan dilihat dari peruntukan perlumbaan dan dasar pendidikan Negara.

Negara industri seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman dan beberapa buah negara lain telah membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap. Mereka mempertahankan kewibawaan bahasa mereka sendiri dan menjadikan bahasa mereka sebagai sains dan teknologi, bahasa kepustakaan ilmu serta pengetahuan. Sebaliknya di Malaysia semasa ini, wujud keraguan terhadap keyakinan tentang keupayaan dan kemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Masa hadapan akan menjadi lebih parah apabila bahasa Melayu kehilangan fungsinya sebagai bahasa pembinaan tamadun bangsa.

Bahasa melayu kini tercabar dari sudut fungsi wahana penyampaian ilmu dan maklumat. Perkembangan segala macam ilmu dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang teknologi maklumat, memang menjadikan bahasa sebahagian dalam keperluan itu. Usaha penulisan dan penerbitan buku-buku ilmu, khususnya dalam bidang sains dan teknologi maklumat tidak bergerak sejajar dengan perkembangan ilmu dan pembangunan Negara.

Sesungguhnya pelbagai strategi, program dan aktiviti diatur dan dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memikul amanah mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. Semangat nasionalisme bagitu kental pada dekad-dekad awal kemerdekaan dan dengan demikian usaha memartabatkan Bahasa Melayu mudah mendapatkan sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak dan lapisan masyarakat.

Cabarannya penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah kurangnya penggunaan secara baku dan benar dalam penulisan Bahasa Melayu di kehidupan seharian, atau dikenali dengan "bahasa rojak". Bentuk seperti ini jika diteruskan akan mencemarkan serta merendahkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Sekarang ini, rancangan televisyen tanpa perasaan bersalah dan dengan bangganya menggunakan tajuk, seperti *Datin Diaries*, *Three Sixty*, *Bisworlds*, *Rewind*, *Senario*, *The Making of: Jangan Pandang Belakang : Lady Driver*, *Lawaking*, dan banyak lagi. Tajuk filem tempatan juga tidak terkecuali menyerlahkan bentuk bahasa begini contohnya adalah *Cicak Man* (Noresah Baharom, 2007).

Bentuk-bentuk rancangan dan filem yang separuh Inggeris separuh Melayu atau sepenuhnya menggunakan ungkapan Inggeris untuk siaran berbahasa Melayu sesungguhnya mencerminkan kealpaan media elektronik akan implikasi penggunaan bahasa yang sungguh rendah tarafnya. Syarikat-syarikat media massa lebih mengutamakan laba dan keuntungan dengan mengorbankan kedaulatan bahasa dan bangsa.

Paparan Bahasa di Tempat Awam

Selain dalam media elektronik, keleluasaan penggunaan bahasa rojak ini juga ketara di tempat-tempat awam seperti *Maju Junction*, minyak pelincir *synthetic*, Taman Bayu Permai *Sales Party*, Restoran *Try to eat, touch and go*, dan kelas *Calligraphy* (Noresah Baharom, 2007).

Dalam Sistem Pendidikan Negara

Dunia tanpa sempadan memberikan laluan kepada pengaliran maklumat yang melimpah-melimpah kepada semua bangsa di dunia ini, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Namun sebahagian besar ilmu ini disebarluaskan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ilmu sains, teknologi maklumat dan komunikasi dilihat begitu penting sekali demi kelangsungan tamadun bangsa sehingga bahasa Inggeris diberikan keutamaan di kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia. Jika sebelum 2003, mata pelajaran sains dan matematik diajarkan kepada pelajar sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti dalam bahasa kebangsaan, namun tuntutan globalisasi telah mengubah keadaan ini, sejak 2003, mata pelajaran sains dan matematik diajarkan dalam Bahasa Inggeris.

Ekoran daripada perubahan ini, ribuan istilah yang sudah digubal sejak 1956 tidak lagi diguna pakai untuk keperluan sistem pendidikan negara. Demikian juga dengan ratusan buku teks serta buku rujukan yang telah diterbitkan selama ini. Dalam masa yang sama penulis buku bidang sains dan matematik pun berfikir banyak kalau untuk menulis dalam BM kerana faktor pasaran yang semakin terhad.

Dalam Sistem Pentadbiran Negara

Keghairahan untuk menggunakan bahasa Inggeris kini bukan hanya tertumpu pada pembelajaran dan pengajaran sains dan matematik dalam sistem pendidikan negara sahaja, tetapi juga dalam sistem pentadbiran negara. Ini terbukti daripada beberapa banyak mesyuarat dan majlis rasmi yang melibatkan sektor awam yang sudah mula beralih menggunakan bahasa Inggeris ataupun mencampuradukkan BM dengan BI. Gejala bahasa

rojak semakin menular menodai martabat bahasa kebangsaan kita. Daripada *sure* heboh muncul pula *sure* kerja dan seterusnya *sure* sihat

Dalam Kehidupan dan Pergaulan Masyarakat Malaysia

Dalam kehidupan harian dan pergaulan masyarakat di Malaysia, lebih mengutamakan penggunaan bahasa ibunda mereka daripada Bahasa Melayu. Penggunaan Bahasa Inggeris lebih popular dan "bergaya" dibandingkan penggunaan Bahasa Melayu dalam perbualan diantara kaum yang berbez (Noresah Baharom, 2007)a.

Tidak sedikit juga, sesetengah orang memandang "negatif" atau "rendah" ketika seseorang berbual menggunakan Bahasa Melayu. Sikap seperti ini yang mengakibatkan Bahasa Melayu kurang perkasa di negeri sendiri, dan keadaan ini menyebabkan Bahasa Melayu tidak dapat diiktiraf sebagai bahasa dunia diperingkat antarabangsa seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Jerman, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis, dan Bahasa Arab.

6. Kesimpulan

Bahasa Melayu telah mencapai tahap kegemilangannya hingga menjadi lingua franca dan bahasa ilmu sewaktu pada suatu ketika dahulu, kerana sifat keterbukaan yang ada padanya iaitu mudah menerima pengaruh bahasa asing. Pada masa ini, Bahasa Melayu telah mencapai tahap kesempurnaan, mampu bersaing dan berdaya maju dalam mencapai bahasa ilmu. Seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia berbangga dengan pencapaiannya dan bukan berasa sangsi hingga sanggup menganaktirikan bahasa sendiri, ini telah terbukti yang mana Korea, dan Jepun disertai oleh China yang sangat mendaulatkan bahasanya mampu menjadi gergasi ekonomi dunia. Terbukti bahawa sesuatu bahasa tidak pernah menjadi penghalang kemajuan. Oleh kerana itu, seharusnya kita bangga menggunakan Bahasa Melayu dalam pergaulan harian dan dalam proses pengajaran serta pembelajaran. Permasalahan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia pada masa ini adalah masyarakat Malaysia lebih mengutamakan dan menggunakan bahasa ibunda berbanding Bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Oleh kerana itu, kerajaan digesa untuk mengambil langkah-langkah dan pendekatan yang berkesan, mesra serta dapat diterima oleh semua kaum yang ada di Malaysia bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Rujukan

Awang Sariyan, 2006. Peranan Bahasa Melayu 2011. Kerja Kursus Sosiolinguistik
<http://www.scribd.com/doc/48040849/PERANAN-BAHASA-MELAYU-2011>

Noresah Baharom. 2007. Pembudayaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Kebangsaan Dalam Mempertingkatkan Semangat Patriotisme Malaysia. Kertas pembentangan sempena Program Bicara Tengah Hari, anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka, 2 Jun 2008

Othman, R. 2011. Peranan Bahasa Melayu. <http://rosiah70.blogspot.com/2011/02/peranan-bahasa-melayu-1-asas-pembinaan.html>